

18 JUN 2003

Umno-Khalil

USUL GESA JAWATAN TERTINGGI TIDAK DIPERTANDING BELUM DITERIMA

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob berkata ibu pejabat parti belum menerima sebarang usul menggesa jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno tidak dipertandingkan pada pemilihan parti tahun hadapan.

"Setakat ini pejabat Setiausaha Agung tidak menerima sebarang notis untuk mana-mana usul yang nak dibawa pada perhimpunan kali ini," katanya.

Khalil yang ditemui semasa meninjau operasi media yang membuat liputan perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, ditanya sama ada pihaknya ada menerima sebarang usul bagi mengelakkan kedua-dua jawatan tertinggi parti itu dipertandingkan bagi memastikan perpaduan parti.

Beliau berkata mengikut prosedur, sebarang usul tergepar, jika ada, perlu dirujuk secara bertulis kepada Pengerusi Tetap.

"Kalau usul tergepar, ini memerlukan rujukan secara bertulis juga kepada pengerusi tetap dan mengikut amalan, pengerusi tetap akan berbincang dengan presiden dan majlis tertinggi, kalau usul tergepar walau macam manapun perlu secara bertulis," katanya.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini melahirkan kebimbangan jawatan Timbalan Presiden Umno dicabar apabila Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih pucuk pimpinan negara dan parti selepas Oktober ini.

Khalil berkata dalam perhimpunan agung sebelum ini, pernah berlaku perwakilan membangkitkan usul mengelak pertandingan jawatan tetapi ia tidak secara bertulis.

Beliau berkata fokus perwakilan kini tertumpu kepada kandungan ucapan Presiden Umno kerana perhimpunan kali ini merupakan yang terakhir bagi Dr Mahathir yang akan bersara dari jawatan kerajaan dan parti selepas Oktober ini.

"Saya tak boleh nak jangkakan apa-apa kerana mood sekarang ini tertumpu kepada hakikat Presiden parti menyatakan ini merupakan kali terakhir beliau merasmikan perhimpunan agung Umno," katanya.

-- BERNAMA

ZAI KHY MOZ